

Wilayah

Jabatan Perhutanan kutip caj Mossy Forest RM1j

Kuantan: Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) meraih pendapatan lebih RM1 juta hasil kutipan caj pintu masuk Taman Ekorimba Mossy Forest Cameron Highlands, tahun lalu.

Penolong Pengarah Kanan (Hutan Lipur) JPNP, Regina Mariah Jong, berkata kehadiran pelancong tempatan dan asing yang semakin bertambah sepanjang tahun lalu menjadi penyumbang utama pendapatan jabatan.

Katanya, caj masuk ke Mossy Forest yang begitu terkenal dalam kalangan pelancong luar negara antara RM5 hingga RM30 bagi setiap pengunjung yang dibuka dari jam 8 pagi hingga 5 petang.

Katanya, jumlah pengunjung ke

Mossy Forest tahun ini dijangka bertambah dua hingga tiga kali ganda, terutama sempena Tahun Melawat Malaysia (TMM) 2020 dengan aktiviti promosi yang diadakan pelbagai pihak berupaya menarik minat lebih ramai pelancong untuk datang.

"Pengunjung Mossy Forest dikenakan bayaran RM5 bagi kanak-kanak dan warga emas serta RM10 untuk dewasa. Pelancong asing dikenakan caj antara RM15 hingga RM30 seorang.

"Kita terus berusaha menambah dan menaik taraf kemudahan di tempat berkenaan bagi memberi lebih keselesaan kepada pengunjung yang jumlahnya akan bertambah pada Sabtu dan Ahad

 **Jumlah pengunjung ke TER Mossy Forest tahun ini dijangka bertambah dua hingga tiga kali ganda, terutama sempena Tahun Melawat Malaysia (TMM) 2020.**

Regina Mariah Jong,
Penolong Pengarah Kanan
(Hutan Lipur) JPNP

serta cuti umum," katanya, di sini, kelmarin.

Beliau berkata, pelancong ke Mossy Forest ingin menikmati keunikan berada dalam kawasan hutan tanah tinggi yang sejuk dan nyaman serta lebih teruja ialah untuk melihat tumbuhan lumut yang banyak di situ.

Regina berkata, peranan syarikat pelancongan di Cameron Highlands yang bertindak memperkenalkan Mossy Forest kepada pelancong turut menjadi penyumbang utama bertambahnya pengunjung ke situ.

Katanya, tahun lalu JPNP mencatat lebih 73,586 pelancong dalam tempoh 10 bulan, jumlah berkenaan dijangka meningkat ta-

hun ini.

"Turut menyumbang pendapatan kepada JPNP tahun lalu ialah Taman Ekorimba Chamang, Bentong RM64,045, Taman Ekorimba Lentang (Bentong-RM48,578), Taman Ekorimba Sungai Pauh, (Kuantan-RM15,200) dan Taman Ekorimba Jerangkang, (Kuantan-RM4,824.50).

"Taman Negeri Endau-Rompin yang akan dibuka tahun ini selepas dinaik taraf dengan perbelanjaan RM15 juta turut dijangka memberi pendapatan kepada JPNP yang sentiasa berusaha memajukan semua 26 Taman Ekorimba di Pahang," katanya yang sentiasa mempromosi taman ekorimba di negeri ini.